

# Kajian Mengenai Persepsi Pelajar Terhadap Modul Kursus Kokurikulum MPU Di Politeknik Kota Bharu

Wan Muhammad Marzudi Bin Wan Muhammad

Politeknik Kota Bharu

## ABSTRAK

Di dalam sistem pendidikan Malaysia, pelajar-pelajar telah didedahkan dengan aktiviti kokurikulum bermula dari peringkat sekolah rendah sehingga pelajar tersebut melanjutkan pengajian di peringkat institusi pengajian tinggi. Di dalam pengajian di politeknik, Modul Kursus Kokurikulum MPU adalah diwajibkan kepada semua pelajar Semester 1 dan 2 politeknik. Pengenalan Kursus Kokurikulum MPU sebagai modul kokurikulum di dalam sistem pengajian di politeknik dapat memberikan manfaat yang besar kepada para pelajar. Kajian ini dijalankan adalah untuk mengenalpasti persepsi pelajar terhadap Modul Kursus Kokurikulum MPU di Politeknik Kota Bharu. Seramai 50 orang pelajar Semester 2 yang telah lulus Kursus Kokurikulum MPU pada Semester 1 telah dijadikan sebagai responden bagi kajian ini. Kajian ini menggunakan borang soal selidik sebagai instrumen kajian. Data kajian dianalisis dengan menggunakan perisian SPSS (Statistical Package for Social Sciene) Versi 20.0. Dapatkan kajian menunjukkan bahawa persepsi pelajar terhadap Modul Kursus Kokurikulum MPU adalah amat bermanfaat kepada mereka dan pendedahan kepada modul ini dapat meningkatkan nilai-nilai murni diri pelajar.

**Kata Kunci :** persepsi pelajar, modul kokurikulum

## 1.0 PENGENALAN

Modul Kursus Kokurikulum MPU yang dijalankan di seluruh politeknik pada masa kini adalah merupakan modul wajib yang mesti diikuti oleh setiap pelajar politeknik. Modul Kursus Kokurikulum yang dilaksanakan di semua politeknik di Malaysia adalah mengikut struktur program seperti yang digariskan dalam Mesyuarat Jawatankuasa Perancangan Teknikal Politeknik Bil 1/2000 mulai Sesi Jun 2000. Sehingga kini Modul Kursus Kokurikulum telah mengalami beberapa penambahbaikan dan yang terkini adalah, versi Julai 2019 yang digunakan bermula pada Sesi Jun 2019 dengan menggunakan kod MPU (Matapelajaran Umum) yang baru. Modul Kursus Kokurikulum versi yang terbaru telah menetapkan pelajar Semester 1 perlu memilih sukan atau badan beruniform manakala pelajar Semester 2 perlu memilih kelab/persatuan atau badan beruniform.


Menurut Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Soft Skills) untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia (2006), aktiviti kokurikulum bermaksud apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di luar bilik darjah. Menurut Kamus Dewan (2000) kokurikulum ialah merupakan sebahagian daripada kurikulum asas yang melibatkan kegiatan atau aktiviti. Selain mata 3 pelajaran yang diajar di dalam bilik darjah, kokurikulum juga dianggap sebagai sebahagian daripada kursus pendidikan (misalnya kegiatan dalam persatuan-persatuan dan kegiatan sukan).

## 2.0 LATAR BELAKANG KAJIAN/PERNYATAAN MASALAH

Kokurikulum adalah satu bidang pembelajaran yang berdasarkan pelbagai aktiviti yang dijalankan di luar bilik darjah samada dijalankan secara formal atau tidak formal. Aktiviti kokurikulum yang dijalankan boleh berasaskan kepada mata pelajaran akademik tetapi sebahagian besarnya aktiviti

kokurikulum merangkumi pembelajaran yang bukan berdasarkan akademik. Menurut Abdul Halim (1999), kokurikulum adalah aktiviti dan pengalaman yang dijalankan di luar bilik darjah yang berlangsung secara formal atau tidak formal. Kegiatan kokurikulum ertinya apa-apa kegiatan yang dirancang daripada proses pengajaran dan pembelajaran di luar bilik darjah yang memberikan pelajar peluang untuk menambah, mengukuh dan mengamalkan kemahiran dan nilai-nilai yang dipelajari di bilik kuliah.

Modul Kursus Kokurikulum MPU di semua politeknik di Malaysia menggunakan modul yang sama. Di Politeknik Kota Bharu, telah dibangunkan satu sistem yang dipanggil i-koku di dalam Sistem Pengurusan Maklumat Pelajar (SPMP). Setiap pelajar boleh mendaftarkan kursus yang ingin didaftarkan dan sebagai contoh, pelajar yang boleh memilih sukan jika memilih kursus sukan. Oleh yang demikian, pengkaji ingin mengkaji persepsi pelajar mengenai Modul Kursus Kokurikulum MPU di kalangan pelajar Semester 2 di Politeknik Kota Bharu yang telah lulus Modul Kursus Kokurikulum MPU pada Semester 1 yang merangkumi kursus sukan dan badan beruniform. Oleh yang demikian, kajian yang dijalankan ini adalah untuk mengkaji persepsi pelajar mengenai Modul Kursus Kokurikulum MPU di kalangan pelajar Semester 2 di Politeknik Kota Bharu yang telah lulus Modul Kursus Kokurikulum MPU pada Semester 1.



Rajah 1 : Struktur Modul Kokurikulum MPU

### 3.0 OBJEKTIF KAJIAN

Kajian ini dijalankan adalah bertujuan untuk:

1. Mengenalpasti peningkatan tahap jati diri dan sahsiah dari persepsi pelajar
2. Mengenalpasti peningkatan tahap perlindungan diri dan keselamatan dari persepsi pelajar
3. Mengenalpasti peningkatan tahap minat dan keseronokan dari persepsi pelajar

### 4.0 METODOLOGI KAJIAN

Insrumen kajian yang digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan borang soal selidik. Borang soal selidik ini mengandungi item-item yang mengukur persepsi pelajar terhadap modul Kursus Kokurikulum MPU di Politeknik Kota Bharu.. Kandungan soalan soalselidik adalah berdasarkan objektif di dalam kajian ini. Setiap data yang dianalisis adalah daripada borang soalselidik yang telah diedarkan kepada semua responden. Respon atau dapatan dari borang soal selidik ini diukur

dangan menggunakan skala Likert yang mengandungi lima pilihan jawapan dengan skala 1= Sangat Tidak Setuju (STS), 2=Tidak Setuju (TS), 3=Tidak pasti (TP), 4=Setuju (S), 5= Sangat Setuju (SS). Semua maklumat dan persoalan kajian ini dianalisis dengan menggunakan Stastistical Package for Social Science (SPSS) version 20.0. Populasi kajian ini adalah terdiri daripada 50 orang pelajar Semester 2 yang telah mengikuti Modul Kursus Kokurikulum MPU.

Bagi mengenalpasti persepsi pelajar terhadap modul Kursus Kokurikulum MPU di Politeknik Kota Bharu, pengkaji telah membahagikan purata skor min skala persetujuan dalam setiap bahagian kepada lima tahap seperti Jadual 1. Menurut Landell (1987), skor min boleh dibahagikan kepada tiga (3) kategori seperti dalam Jadual 1.

**Jadual 1: Jadual Penentuan Tahap**

Skor Min	Ukuran Skor Min
1.00 hingga 2.3	Rendah
2.4 hingga 3.7	Sederhana
3.8 hingga 5.0	Tinggi

## 5.0 DAPATAN KAJIAN

Analisis data yang diperolehi dianalisa menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai untuk semua respon pensyarah kursus berdasarkan Jadual 1. Jadual 2 menunjukkan data yang diperolehi daripada aspek jati diri dan sahsiah.

**Jadual 2: Aspek Jati Diri Dan Sahsiah**

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Tahap
1	Penglibatan dalam modul Kursus Korikulum melatih saya menghormati pendapat orang lain	0 (0%)	1 (2%)	6 (12%)	15 (30%)	28 (64%)	4.48	0.77	Tinggi
2	Penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum menggalakkan saya berfikir secara positif	0 (0%)	1 (2%)	2 (4%)	11 (22%)	36 (72%)	4.64	0.66	Tinggi
3	Saya dapat membina keyakinan diri apabila berkomunikasi dengan rakan dalam Modul kursus Kokurikulum	0 (0%)	0 (0%)	5 (10%)	15 (30%)	30 (60%)	4.5	0.67	Tinggi
4	Saya melaksanakan tugas yang diberi dengan penuh amanah dan bersungguh-sungguh	0 (0%)	0 (0%)	5 (10%)	15 (30%)	30 (60%)	4.5	0.67	Tinggi
5	Penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum membantu saya menjadi siswa dan siswi yang berdisiplin dan menepati masa	0 (0%)	3 (6%)	5 (10%)	8 (16%)	34 (68%)	4.46	0.9	Tinggi
	Skor Keseluruhan						4.5	0.734	Tinggi

Jadual 2 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi peningkatan tahap jati diri dan sahsiah dari persepsi pelajar adalah 4.5, berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, ia menunjukkan bahawa penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum menggalakkan saya berfikir secara positif sebagai item yang paling tinggi min iaitu 4.64. Manakala dapatan mengenai nilai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi adalah 47 orang (94%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan 3 orang (6%) menyatakan tak pasti. Bagi item yang mempunyai nilai min yang terendah adalah item penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum membantu saya menjadi siswa dan siswi yang berdisiplin dan menepati masa iaitu 4.46. Nilai kekerapan dan peratusan pula menunjukkan seramai 41 orang (82%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan 9 (18%) orang menyatakan tak pasti dan tidak setuju.

Analisis data yang diperolehi dianalisa menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai untuk semua respon pensyarah kursus berdasarkan Jadual 1. Jadual 3 menunjukkan data yang diperolehi Aspek Perlindungan Diri dan Keselamatan.

**Jadual 3: Aspek Perlindungan Diri dan Keselamatan**

No	Item	STS	TS	TP	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya menjadi lebih yakin sejak melibatkan diri dalam Modul Kursus Kokurikulum	0 (0%)	1 (2%)	3 (12%)	15 (30%)	31 (64%)	4.52	0.7	Sangat Tinggi
2	Melalui Modul kursus Kokurikulum dapat membina kesedaran diri saya	0 (0%)	0 (0%)	5 (10%)	18 (36%)	27 (54%)	4.44	0.67	Sangat Tinggi
3	Penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum membantu saya mengetahui tanggungjawab saya untuk melindungi diri dan orang lain	0 (0%)	0 (0%)	2 (4%)	18 (36%)	30 (60%)	4.56	0.64	Sangat Tinggi
4	Melalui Modul Kursus Kokurikulum dapat membina kesedaran diri dan perlindungan diri perlu diutamakan	0 (0%)	0 (0%)	5 (10%)	20 (40%)	25 (50%)	4.4	0.66	Sangat Tinggi
5	Penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum meningkatkan keinginan saya untuk menimba ilmu	0 (0%)	0 (0%)	3 (6%)	12 (24%)	35 (70%)	4.64	0.59	Sangat Tinggi
	Skor Keseluruhan						4.512	0.652	Tinggi

Jadual 3 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi peningkatan tahap perlindungan diri dan keselamatan dari persepsi pelajar adalah 4.512, berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, ia menunjukkan Penglibatan dalam Modul Kursus Kokurikulum meningkatkan keinginan saya untuk menimba ilmu sebagai item yang paling tinggi min iaitu 4.64. Manakala dapatan mengenai nilai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi adalah 47 orang (94%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan 3 orang (6%) menyatakan tak pasti. Bagi item yang mempunyai nilai min yang terendah adalah item Melalui Modul Kursus Kokurikulum dapat membina kesedaran diri dan perlindungan diri perlu diutamakan, iaitu 4.4. Nilai kekerapan dan peratusan pula menunjukkan seramai 45 orang (90%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan 5 orang (10%) menyatakan tak pasti.

Analisis data yang diperolehi dianalisa menggunakan skor min, peratus dan sisihan piawai untuk semua respon pensyarah kursus berdasarkan Jadual 1. Jadual 4 menunjukkan data yang diperolehi Aspek Minat dan Keseronokan.

**Jadual 4 : Aspek Minat dan Keseronokan**

No	Item	STS	TS	KS	S	SS	Min	Sisihan Piawai	Interpretasi
1	Saya bersetuju atas pemilihan pentadbir terhadap sukan sebagai Modul Kursus Kokurikulum	0 (0%)	0 (0%)	4 (8%)	10 (20%)	36 (72%)	4.64	0.62	Sangat Tinggi
2	Modul ini dapat mengisi masa riadah dengan berkesan	0 (0%)	0 (0%)	1 (2%)	12 (24%)	37 (74%)	4.72	0.49	Sangat Tinggi
3	Sukan dapat memberikan kesihatan dan keseronokan	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	5 (10%)	45 (90%)	4.9	0.3	Sangat Tinggi
4	Modul Kursus Kokurikulum dapat meningkatkan tahap kecergasan jasmani	0 (0%)	0 (0%)	0 (0%)	8 (16%)	42 (84%)	4.84	0.73	Sangat Tinggi
5	Aktiviti yang dijalankan tidak membosankan dan tidak membebankan fizikal	0 (0%)	0 (0%)	2 (4%)	10 (20%)	38 (76%)	4.72	0.53	Sangat Tinggi
	Skor Keseluruhan						4.764	0.462	Tinggi

Jadual 4 menunjukkan bahawa secara keseluruhan skor min bagi peningkatan tahap minat dan keseronokan dari persepsi pelajar adalah 4.764, berada pada tahap yang tinggi. Bagi setiap item pula, ia menunjukkan sukan dapat memberikan kesihatan dan keseronokan sebagai item yang paling tinggi min iaitu 4.764. Manakala dapatan mengenai nilai kekerapan dan peratusan yang paling tinggi adalah 50 orang (100%) menyatakan setuju dan sangat setuju. Bagi item yang mempunyai nilai min yang terendah adalah item saya bersetuju atas pemilihan pentadbir terhadap sukan sebagai Modul Kursus Kokurikulum, iaitu 4.64. Nilai kekerapan dan peratusan pula menunjukkan seramai 46 orang (92%) menyatakan setuju dan sangat setuju dan 4 orang (8%) menyatakan tak pasti.

## 6.0 PERBINCANGAN

Secara keseluruhannya dapat diperhatikan bahawa nilai skor min bagi ketiga-tiga aspek kajian menunjukkan nilai min yang sangat tinggi iaitu untuk aspek jati diri dan sahsiah ialah 4.5. manakala nilai min bagi aspek perlindungan diri dan keselamatan ialah 4.512 dan seterusnya nilai min bagi aspek minat dan keseronokan menunjukkan nilai min yang tertinggi iaitu 4.764. Dapatan kajian ini menunjukkan bahawa pelajar-pelajar yang mengikuti Modul Kokurikulum MPU mempunyai persepsi yang sangat tinggi terhadap Modul Kokurikulum MPU yang diajarkan di Politeknik Kota Bharu.

Hasil dari kajian yang dijalankan, ia jelas menunjukkan bahawa majoriti pelajar yang mengikuti Kursus Kokurikulum MPU bersetuju modul ini dapat meningkatkan tahap jati diri dan sahsiah diri mereka. Penglibatan dalam kursus kokurikulum ini juga akan meningkatkan pencapaian di dalam bidang akademik pelajar. Pelajar juga bersetuju bahawa aspek perlindungan diri dan keselamatan dapat ditingkatkan melalui latihan yang dipelajari. Ia juga dapat memberi lebih keyakinan kepada mereka dan motivasi tentang pentingnya modul ini kepada mereka.

Aspek minat dan keseronokan juga boleh ditingkatkan melalui modul ini. Hampir semua pelajar bersetuju bahawa dengan mengikuti Modul Kursus Kokurikulum, mereka dapat meningkatkan kecerdasan jasmani mereka. Dengan itu, daripada faedah yang diperolehi ini, ia pasti akan memberi keseronokan kepada pelajar dan serusnya melahirkan minat terhadap modul ini.

## 7.0 KESIMPULAN

Kajian yang dijalankan ini telah mencapai objektifnya dimana ia telah menjawab beberapa persoalan kajian yang telah dikemukakan sebelum ini. Dapatkan dari kajian ini menunjukkan para pelajar yang mengikuti modul kokurikulum ini memberi respon yang amat positif tentang sumbangan modul tersebut terhadap diri mereka. Persepsi yang diberikan pelajar terhadap ketiga-tiga aspek kajian adalah tinggi dan memberikan peningkatan yang berkesan terhadap semua aspek tersebut. Justeru itu, modul kokurikulum yang diajarkan di semua politeknik boleh melahirkan pelajar yang berdaya saing, mempunyai jati diri yang tinggi dan berfikiran positif dan kreatif. Nilai-nilai ini penting untuk melahirkan seorang graduan yang berkualiti bukan sahaja dalam bidang akademik tetapi juga kemahiran dalam bidang kokurikulum.

## RUJUKAN

- Ab. Halim Abdul Rahim (1999). Pengurusan Kokurikulum. Kuala Lumpur. Penerbit Fajar Bakti Sdn. Bhd.
- Dasar Pelaksanaan Kegiatan Kokurikulum (1997). Akta Pendidikan 1996
- Kamus Dewan Edisi Ketiga (2000). Kuala Lumpur: Dewan Bahasa Dan Pustaka.
- Kementerian Pengajian Tinggi Malaysia (2006). Modul Pembangunan Kemahiran Insaniah (Softskills) Untuk Institusi Pengajian Tinggi Malaysia Jabatan Pengurusan Institusi Pengajian Tinggi., Universiti Putra Malaysia
- Landell, K (1987). Management by Menu. London: Wiley and Son Inc.